

# Warga UMP tawan Gunung Kinabalu

SINAR HARIAN CAKRAWALA 23 JAN 2017 M/S 44

SERAMAI 22 pendaki

Universiti Malaysia Pahang

(UMP) terdiri daripada 13 pelajar, empat staf dan lima alumni UMP berjaya menawan Gunung Kinabalu dalam Misi Pendakian Gunung Kinabalu 2017 anjuran Pusat Sukan dan Kebudayaan dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMP.

Ketua Pendaki, Dr Wan Mohd Hafizzuddin Wan Yusuf berkata, pendakian kali ini merupakan pendakian kali kedua selepas berjaya menakluki Gunung Kinabalu buat pertama kalinya pada tahun 2012.

Wan Mohd Hafizzuddin yang juga pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) itu melahirkan rasa syukur kerana semua pendaki berjaya sampai ke puncak dan beliau sangat menghargai semangat berpasukan dan setia kawan yang ditunjukkan setiap pendaki.

"Pendakian bermula dari Timpohon Gate melalui Laban Rata dan selamat tiba di Low's Peak pada jam 5 pagi.

"Pelbagai cabaran yang kami tempuh sepanjang pendakian antaranya cuaca panas dan angin yang kuat.

"Ada di antara pendaki mengalami kecederaan dan Acute Mountain Sickness (AMS). Walaupun begitu, semua halangan ini tidak melunturkan semangat mereka untuk sampai ke puncak dengan selamatnya," katanya.

Bagi Muhammad Faizzudin Mohd Amin, 25, yang merupakan mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE), berbangga dengan kegigihan dan semangat setia kawan setiap pendaki baik pelajar mahupun staf semasa berdepan dengan rintangan sewaktu mendaki Gunung Kinabalu.

"Bukan mudah untuk sampai ke puncak Gunung Kinabalu jika tiada sokongan daripada rakan pendaki yang lain.

"Saya gembira kerana hasrat kami tercapai untuk sampai ke puncak ini.

"Rasa berbaloi apabila sampai di puncak,"katanya kepada Sinar Harian.



Pendaki UMP bergambar di puncak Gunung Kinabalu dalam Misi Pendakian Gunung Kinabalu 2017.